



Headline	24 perjanjian pertahanan RM4.271b dimeterai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,713



# 24 perjanjian pertahanan RM4.271b dimeterai

LANGKAWI 28 Mac - Sebanyak 24 perjanjian dan kontrak bernilai RM4.271 bilion membabitkan industri pertahanan ditandatangani dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, jumlah keseluruhan itu diperolehi menerusi enam dokumen kontrak serta tiga surat setuju (LOA) Kementerian Pertahanan bernilai RM548 juta di samping 11 memorandum persetujuan (MoA) dan empat memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM3.7 bilion.

"Perjanjian-perjanjian ini bagi memperkuatkan industri pertahanan di Malaysia terutamanya kerjasama mewujudkan penempatan syarikat-syarikat Eropah khusus dari Itali di Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP) di Sungkai, Perak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak, MoU dan MoA sempena LIMA 2013 di sini hari ini.

Antara syarikat yang menandatangani dokumen kontrak dan LOA adalah Joint Stock Company Aviation Holdings Company Sukhoi, Rosebank Engineering, UniKL Resources, Telekom Malaysia, Malaysian Airline System Bhd. (MAS), BHIC Aeroservices dan BHIC Defence Techservices.

Kerjasama MoA dan MoU pula melibatkan kerajaan negeri Pahang, Puncak Niaga Holdings, MDSTP, Pertubuhan Industri Marin Malaysia (AMIM) dan Aerotree Defence & Services.

Antara syarikat yang menandatangani MoU dan MoA dengan MDS-TP adalah Artimal De System, Duromac, Gem Elettronica, Khadra Ventures dan Pusat Kajian Aeroangkasa Itali (CIRA).

## INFO

### SEBAHAGIAN PERJANJIAN DAN KONTRAK LIMA 2013 (SYARIKAT DAN NILAI PERJANJIAN)

#### Dokumen kontrak Kementerian Pertahanan

- 1) **JSC Aviation Holdings Company 'Sukhoi' Moscow (RM300 juta)** - menyelenggara, membaiki dan bantuan teknikal pesawat SU-30MKM.
- 2) **Rosebank Engineering (RM33 juta)** - menyelenggara, membaiki dan bantuan teknikal F/A-18 Hornet, S70 Blackhawk, SK61 Nuri dan C130 Hercules.
- 3) **Hel Tech Padu Berhad (RM31 juta)** - sistem latihan ETAS untuk pesawat SU-30MKM.
- 4) **UniKL Resources Sdn. Bhd. (RM30 juta)** - khidmat latihan juruteknik pesawat TUDM.
- 5) **Telekom Malaysia Bhd. (RM45.18 juta)** - meningkatkan sistem komunikasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- 6) **MAS Bhd. (RM22.05 juta)** - kontrak khidmat penerbangan pelatih PLKN.

#### Surat Persetujuan Kementerian Pertahanan

- 7) **MAS Bhd. (RM40 juta)** - perkhidmatan penerbangan pergi balik warga ATM antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

- 8) **BHIC Defence Techservices Sdn. Bhd. (RM15 juta)** - senggaraan, baik pulih dan pembekalan alat ganti meriam Oerlikon dan radar SkyGuard untuk ATM.
- 9) **BHIC Aeroservices Sdn. Bhd. (RM32.4 juta)** - perkhidmatan sokongan enam helikopter Fennec AS555SN TLDM.

#### MoA dengan Kementerian Pertahanan

- 10) **Puncak Niaga Holdings Bhd.** - Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Penapisan Pasir Bio.

#### MoA dengan Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP)

- 11) **Selex Es S.P.A (RM1.48 bilion)** - kerjasama dalam memasuki perjanjian sah undang-undang bagi penubuhan dan sokongan aktiviti melibatkan pembangunan MDSTP.
- 12) **Khandra Ventures Sdn. Bhd. (RM580 juta)** - kerjasama dalam memasuki perjanjian sah undang-undang bagi penubuhan dan sokongan aktiviti melibatkan pembangunan MDSTP.